

## **UTAMAKAN NEGARA DARIPADA KEPENTINGAN LAIN**

Pada 11 Mac 2005 yang lalu Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Sultan Ahmad Syah telah memberi amaran kepada Persatuan Bolasepak Negeri di Malaysia agar tidak memandang remeh isu mewakili skuad bolasepak negara di persada antarabangsa. Sebelum ini jurulatih bolasepak negara Bertalan Biskei telah menyuarakan apa yang terpendam di hatinya mengenai perkara ini apabila beliau memberi teguran terhadap sikap segelintir pihak yang terlibat dengan bolasepak tanahair.

Sikap membelakangkan kepentingan negara ini tidak akan membantu perkembangan bolasepak negara malahan ianya memberikan gambaran kemalapan masa depan bolasepak tanahair. Adalah satu perkara yang menyedihkan apabila ada segelintir rakyat Malaysia sendiri menjadi penghalang untuk pemain-pemain negara mewakili Malaysia di kejohanan antarabangsa.

Mutu bolasepak tanahair sudah lama meninggalkan kegemilangannya iaitu ketika Allahyarham Mokhtar Dahari dan pemain-pemain yang seangkatan dengannya telah mengharumkan nama negara di arena antarabangsa. Pada ketika itu pasukan Korea Selatan, Arsenal bahkan England setaraf dengan permainan pasukan kebangsaan Malaysia. Kini ianya hanya tinggal kenangan, mutu bolasepak tanahair telah merosot ke tahap yang sangat membimbangkan. Satu mekanisma efektif dan mantap perlu dilaksanakan segera bagi memartabatkan kembali maruah bolasepak negara. Sudah tiba masanya untuk melakukan reformasi bolasepak secara menyeluruh meliputi pengurusan, kejurulatihan, taktik permainan, ketahanan fizikal dan mental, disiplin dan sikap.

Perubahan sikap merupakan faktor penentu kebangkitan mutu bolasepak negara. Sikap mengutamakan negara lebih daripada kepentingan lain perlu menjadi darah daging tersemat kukuh di dalam diri setiap pemain dan pihak pengurusan bolasepak. Sekiranya kita melihat senario bolasepak antarabangsa, para pemain akan menitiskan air mata apabila tidak dapat mewakili negara mereka. Nama-nama besar seperti Romario dan Emerson pemain bolasepak Brazil menangis di kaca televisyen kerana digugurkan dari senarai nama pemain pasukan negara mereka.

Pengurusan yang lebih professional dan bersifat patriotik perlu diwujudkan. Pengurusan bolasepak negeri juga perlu bersikap lebih terbuka dalam memberi ruang kepada pemainnya beraksi untuk negara. Mereka ini sebenarnya berkhidmat dan berbakti kepada Malaysia dan memperjuangkan maruah negara di arena antarabangsa. Pihak yang terlibat dengan bolasepak tanahair perlu mendalami maksud cintakan negara dan anggaplah mewakili negara itu sebagai memikul tanggungjawab, menaikkan imej dan nama negara. Semua pihak perlu bertekad untuk mengerahkan segala tenaga hingga ke titisan yang terakhir untuk memastikan kejayaan di tangan pasukan negara.

Pasukan negeri perlu lebih berdikari dengan memberi peluang pemain pelapis untuk mewakili negeri sekiranya pemain utama mereka dikehendaki untuk menyarung jersi negara. Ada ketikanya skuad pelapis ini perlu didedahkan dengan bolasepak prestasi tinggi yang sebenar dan memberi peluang mereka menimba pengalaman bermain di

dalam perlawanan yang lebih kompetitif. Sikap kepergantungan terhadap segelintir pemain untuk menjamin kejayaan perlu dikikis.

Disiplin yang tinggi merupakan penentu prestasi. Sikap mengutamakan disiplin diri perlu menjadi budaya pemain bolasepak tanahair bagi menjamin mereka mampu bersaing dengan pasukan bertaraf antarabangsa. Sebagai contoh Ronaldo dan David Beckham telah didenda kerana lewat menghadiri latihan sedangkan mereka ini merupakan nadi utama pasukan Real Madrid untuk mencapai kemenangan. Tiada kompromi terhadap masalah disiplin walau sehandal dan sehebat mana seseorang pemain itu.

Pemain negara sebenarnya tidak kekurangan skil permainan. Apa yang menjadi permasalahan ialah ketahanan fizikal dan mental dalam mengharungi setiap perlawanan. Menurut pemerhatian hampir 70% kekalahan pasukan Malaysia di tangan pasukan lain adalah hasil daripada gol yang dijaringkan pada minit-minit terakhir permainan. Pasukan Malaysia tidak mampu memberikan aksi 100% 90 minit perlawanan. Fakta-fakta dan kajian dengan jelas membuktikan gol-gol kemenangan hampir sebahagian besar dijaringkan pada 15 minit terakhir perlawanan. Konsentrasi dan tumpuan inilah yang wajib dimiliki oleh pemain-pemain negara.

Oleh itu, pihak yang terlibat secara langsung dengan bolasepak tanahair perlu melaksanakan satu program intensif pembangunan mental dan fizikal pemain negara. Kita boleh melihat pasukan bolasepak Jepun dan Korea Selatan yang mempunyai pemain "super fit" mampu bersaing dan mengalahkan pasukan ternama walaupun fizikal mereka hampir sama dengan pemain Malaysia. Bolasepak moden terlalu berbeza dengan keadaan bolasepak terdahulu. Kemampuan fizikal dan mental merupakan faktor utama kejayaan di samping skill dan traktik asas yang perlu dimiliki.

Masyarakat Malaysia masih menyimpan harapan untuk melihat pasukan negara mengembalikan zaman kegemilangannya malahan akan mencipta sejarah kecemerlangan baru di peringkat antarabangsa. Tidak mustahil satu hari nanti kita bakal melihat bangsa kita, bangsa Malaysia menyertai Piala Dunia, kejohanan bolasepak paling berprestij di dunia. **ZULKIFLI BIN HASAN.**